

# AKHBAR CAHAYA PULAU PINANG 1900 — 1908

Oleh:

MOHD. DAHARI OTHMAN

## Pendahuluan

Peranan akhbar dalam penyebaran pengetahuan dan dalam pembentukan fikiran dan pemikiran manusia adalah besar sekali. Persuratkhabaran Melayu boleh dianggap masih muda lagi. Sejarah perkembangan akhbar-akhbar Melayu di Tanah Melayu dapat dikesan hingga ke akhir Abad ke-19 apabila terbitnya akhbar berbahasa Melayu yang pertama, *Jawi Peranakan* dalam tahun 1876. Mengikut William R. Roff, dalam masa tiga puluh tahun sejak terbitnya *Jawi Peranakan* itu terdapat tujuh belas buah akhbar berbahasa Melayu diterbitkan. Dalam peringkat awal, ini, apa yang dipanggil oleh Roff sebagai "tahap pertama" (1876—1905), kesemua akhbar-akhbar itu diterbitkan di Singapura, Pulau Pinang dan Perak. Satu ciri yang tidak dapat kita nafikan mengenai penerbitan akhbar Melayu di tahap ini ialah boleh dikatakan keseluruhan akhbar-akhbar ini di modali dan dikendalikan oleh golongan keturunan *Jawi Peranakan*.<sup>\*</sup> Daripada tujuh buah akhbar yang terbit di Singapura, lima buah dikendalikan oleh mereka iaitu *Jawi Peranakan*, *Nujumu'l-Fajar*, *Shamsu'l-Kamar*, *Sekolah Melayu* dan *Taman Pengetahuan*. Dua buah lagi diterbitkan oleh orang-orang Cina Baba. Begitu juga di Pulau Pinang, kesemua lima buah akhbar yang terbit waktu itu mempunyai sidang pengarang yang terdiri daripada *Jawi Peranakan*. Akhbar-akhbar tersebut ialah *Tanjung Penegeri*, *Pemimpin Warta*, *Lengkongan Bulan*, *Bintang Timor* dan *Cahaya Pulau Pinang*. Tidak hairanlah mengapa Roff mengatakan akhbar-akhbar Melayu di tahap ini menampakkan ciri "non Malay". Di kota-kota besar seperti Singapura dan Pulau Pinang terdapat ramai penduduk, bukan saja orang-orang Melayu tetapi juga orang Cina, Baba, *Jawi Peranakan* dan Arab yang boleh membaca akhbar Melayu.

Akhbar *Cahaya Pulau Pinang* adalah salah sebuah akhbar yang agak berjaya dan dapat mengekalkan hidupnya selama kira-kira lapan setengah tahun. Akhbar ini diterbitkan di Pulau Pinang oleh Taukeh Lim Seng Hui, tuannya Criterion Press, yang beralamat di No. 230, Birch Street, Pulau Pinang.<sup>1</sup> Akhbar yang mengandungi empat halaman ini diterbitkan dalam tulisan jawi seminggu sekali pada tiap-tiap hari Sabtu. Ia dicetak dengan huruf cap di atas kertas yang berukuran 12.5 inci lebar dan 20 inci panjang dan diterbitkan berterusan mulai 13hb. Oktober, 1900 hingga 28hb. Mac, 1908.<sup>2</sup> Pengarang pertamanya

---

<sup>\*</sup>*Jawi Peranakan* adalah orang-orang Islam peranakan India yang di lahirkan di Negeri-Negeri Selat. Mereka adalah kacokan darah Melayu dan India, kadang-kadang digelar juga *Jawi Pekan*.

<sup>1</sup>*Chahyah Pulau Pinang*, Jilid 1, Bil. 1, 13hb. Oktober, 1900, h. 1.

<sup>2</sup>A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973, h. 5 mengatakan *Chahyah Pulau Pinang* diterbitkan tiap-tiap hari Jumaat dan Sabtu dan dipercayal penerbitnya terhenti dalam tahun 1900 juga. Kenyataan A.M. Iskandar ini agak mengelirukan kerana William Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*. London: Oxford University Press, 1972, h. 5 menyebut *Cahaya Pulau Pinang* menamatkan penerbitannya pada bulan Mac, 1908. Setelah disamak akhbar itu dalam salinan mikrofilem di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia keluaran terakhirnya ialah pada 28hb. Mac, 1908.

ialah Abdul Ghani bin Mohd. Kassim, seorang Jawi Peranakan. Tempat beliau kemudiannya diganti oleh Mohd. Arif bin Hussin Khan.<sup>3</sup>

Cahaya Pulau Pinang dicap dengan huruf jawi dengan terang dan jelas. Teknik aturcetak yang digunakannya mudah dan tidak kompleks seperti mana yang terdapat dalam akhbar-akhbar moden hari ini. Tiap-tiap halamannya dibahagikan kepada empat ruang (column). Tajuk-tajuk berita menggunakan saiz huruf yang sama dengan saiz huruf dalam berita. Berita-beritanya pula diatur dengan cara yang mudah bersambung-sambung dari satu ruangan ke satu ruangan dari atas ke bawah. Berita berikutnya bermula di mana berita pertama itu berakhir dengan tajuk yang kecil. Selain daripada dalam iklan-iklan berita-berita tidak menggunakan gambar-gambar.

Dalam kajian ini, saya akan cuba membincangkan secara umum isi kandungan Cahaya Pulau Pinang sebagai sebuah akhbar dari segi jenis-jenis berita atau rencana, Rencana Pengarangnya, bahasa dan iklan-iklan.

### Berita-Berita dan Rencana-Rencana

Seperti mana akhbar-akhbar Melayu peringkat awal sejak terbitnya Jawi Peranakan dalam tahun 1876 hingga tahun 1905 — satu jangka waktu yang dikatakan oleh Roff sebagai tahap pertama perkembangan akhbar-akhbar Melayu, Cahaya Pulau Pinang juga menampakkan ciri "non-Malay character".<sup>4</sup> Sifat ini terbukti wujud di dalam Cahaya Pulau Pinang jika dilihat dari segi tuannya akhbar itu, seorang taukeh China, pengarang pertama dan keduanya berketurunan Jawi Peranakan<sup>5</sup> dan berita-berita dan rencana-rencana yang tersiar di dalamnya sebahagian besar daripadanya tertumpu kepada berita luar negeri.

Kenyataan Roff bahawa Cahaya Pulau Pinang kerap melapurkan berita-berita secara panjang lebar mengenai Timor Tengah (Asia Barat), selalu menterjemah sebahagian daripada akhbar-akhbar Mesir dan lain-lain akhbar adalah berasas. Contohnya, dalam keluaran sulung akhbar itu halaman dua, tiga dan empat dipenuhi dengan berita-berita mengenai kerajaan Osmaniah, Turki. Tiga per empat daripada halaman dua memuatkan berita sambutan perayaan Jubelee Perak (25 tahun) Dulatlo (دولتلو) Sultan Al-Muazzam memerintah kerajaan Osmaniah oleh orang-orang Islam di bandar Madras, India. Halaman tiganya pula dipenuhi dengan berita Shah, (Parsi) hendak dibunuh oleh seorang lelaki ketika baginda melawat bandar Paris, khabar angin mengatakan kerajaan Afghanistan hendak mengisytiharkan perang sabilullah, kerajaan Osmaniah berjaya mengumpul banyak wang daripada derma untuk membena landasan keretapi ke Mekah, dan sebuah Syair Jubelee memuji kerajaan Sultan Abdul Hamid Khan, kerajaan Osmaniah. Dalam ruangan pertama halaman empat dipenuhi dengan berita kematian Jiwad Basyah Marsyal dan dalam ruangan dua dan tiganya memuatkan berita-berita ringkas dari luar dan dalam negeri (berita dari luar negeri jauh lebih banyak daripada berita dalam negeri).<sup>6</sup> Berita-berita dalam negeri berkisar mengenai kesah di mahkamah.

<sup>3</sup>William Roff, *Ibid*, h. 5 dan A.M. Iskandar, *op cit* h. 5 hanya menyebut Abdul Ghani bin Mohd. Kassim saja sebagai Pengarangnya. Tetapi tercatat dalam *CPP*, Jilid 7, Bil. 1, 13 hb. Oktober, 1906 h. 4 nama Mohd. Arif bin Hussin Khan sebagai Pengarangnya.

<sup>4</sup>Lihat William Roff, *op. cit.*, h. 3.

<sup>5</sup>*Ibid.*, h. 5. Nama pengarang kedua ialah Mohd. Arif bin Hussin Khan itu menunjukkan ia berketurunan Jawi Peranakan.

<sup>6</sup>Lihat *Chahyah Pulau Penang*, Jilid 1, Bil. 1, 13hb. Oktober, 1900.

Penumpuan Cahaya Pulau Pinang kepada berita-berita luar negeri terutama dari Asia Barat — Turki, Parsi, Mesir, dari negara-negara Eropah terutama England, dari Amerika, Afrika Selatan, negeri China, Jepun, India, Jawa, Sumatra dan lain-lain berterusan hingga ke tahun 1908. Rencana-rencana mengenai Turki kadang-kadang terlalu panjang dan bersambung-sambung. Misalnya, cerita yang bertajuk "Dari hal Mahmood Basyah — menantu Dulatlo Sultan Muazzam (Turki)" memenuhi setengah ruangan di halaman dua, seluruh halaman tiga dan lebih dari dua ruangan di halaman empat.<sup>7</sup> Satu lagi contoh ialah ucapan Mustapha Affandi Kamil berjudul "Dari hal Mesir dan Islam" yang diterjemah dari sebuah akhbar Mesir begitu panjang sekali sehingga ia terpaksa disambung selama tiga keluaran mulai keluaran 8 hingga 22hb. Disember, 1900.

Ciri non-Malay itu jelas kelihatan berterusan hingga ke akhir hayat akhbar Cahaya Pulau Pinang. Misalnya, dalam keluaran 4hb. Januari, 1908, halaman duanya dipenuhi oleh lima buah berita, kesemuanya dari luar negeri, halaman tiga mengandungi sepuluh buah berita, hanya satu saja dari Singapura, dan halaman empat daripada sebelas berita hanya empat saja berita-berita pendek dari mahkamah Pulau Pinang.

Berita-berita dalam negeri yang terhad itu pula sebahagian besarnya terdiri daripada berita-berita jenayah dan mahkamah yang dimuatkan dalam ruangan "Perkhabaran Pulau Pinang" dan ruangan "Perkhabaran dalam bandar". Namun begitu terdapat juga kadangkala liputan berita-berita mengenai Sultan Negeri-negeri Melayu seperti "Sambutan Sultan Perak (balik dari lawatan ke Pulau Pinang)"<sup>8</sup>. "Persidangan Dubar di Kuala Lumpur"<sup>9</sup> dan "Sultan Johor hendak melawat Eropah".<sup>10</sup>

Satu ulasan yang agak menarik yang pernah tersiar dalam Cahaya Pulau Pinang ialah yang berjudul "Dari hal anak-anak Melayu". Kata rencana itu :

"Resident General sedia mengambil anak-anak Melayu berkhidmat dengan government dan meminta penghulu-penghulu dan pegawai-pegawai Melayu menggemarkan hati pemuda-pemuda Melayu bekerja dalam Pejabat Menyukat Tanah, Pejabat Hutan dan di atas kapal-kapal api government itu amat baik tapi selagi anak-anak Melayu yang di dalam negeri ini dibiarkan oleh ibu bapanya berjalan main di dalam kampung diberi kahwin terlalu lekas dan diberi makan pakai mereka itu pada fikiran kita government tiada kelak beroleh jaya di atas maksudnya itu dan lagi fikiran lain orang pula seperti maksud government itu tiada kelak memberi bekas sebab anak-anak Melayu itu suka pergi berkumpul di dalam tempat billiard — tempat menyempit gelang dan lain-lain tempat yang tiada guna.<sup>11</sup>

Inilah satu-satunya ulasan yang bernas yang dibuat oleh Cahaya Pulau Pinang yang ditujukan kepada masyarakat Melayu ketika itu.

### Rencana Pengarang

Sepanjang yang diketahui akhbar Cahaya Pulau Pinang mempunyai dua orang pengarang di sepanjang usianya. Abdul Ghani bin Mohd. Kassim menjadi Pengarang

<sup>7</sup> *Chahyah Pulau Penang*, Jilid 1, Bil. 8, , 1hb. Disember, 1900.

<sup>8</sup> *Chahyah Pulau Penang*, Jilid 2, Bil. 49, 13hb. September, 1902.

<sup>9</sup> *Chahyah Pulau Penang*, Jilid 3, Bil. 10, 11hb. Julai, 1903.

<sup>10</sup> *Chahyah Pulau Penang*, Jilid 4, Bil. 13, 2hb. Januari, 1904.

<sup>11</sup> *Ibid* h. 2 -3.

sejak keluaran pertama pada 20hb. Oktober, 1900. Tempatnya itu diganti oleh Mohd. Arif bin Hussin Khan mulai keluaran 20hb. Mei, 1906.<sup>12</sup> Apa yang agak menghairankan akhbar Cahaya Pulau Pinang ini hampir separuh dari usianya dikeluarkan tanpa Rencana Pengarang, sekurang-kurangnya hingga 24hb. Disember, 1904.<sup>13</sup> Keluarannya yang paling awal mengandungi Rencana Pengarang yang dapat dikesan ialah pada 20hb. Januari, 1906. Walau bagaimanapun Rencana Pengarang ini tidak terdapat secara berterusan dalam tiap-tiap keluaran akhbar itu. Tegasnya sejak dari tarikh itu Rencana Pengarang masih lagi bukan merupakan satu ruangan yang tetap — kadang-kadang ada dan kadang-kadang tiada sedangkan Rencana Pengarang itu penting bagi sesebuah akhbar. Kalau adapun agak sukar untuk mencarinya kerana ruangan ini sentiasa berubah-ubah tempat — kadang-kddang di halaman dua dan ada kalanya terdapat di halaman tiga dan empat.

Kalau dibandingkan dengan isi kandungan Rencana Pengarang akhbar-akhbar Melayu zaman 30an, Rencana Pengarang Cahaya Pulau Pinang terlalu mendatar, lemah dan dingin sekali membuat ulasan-ulasan mengenai kejadian semasa, tidak banyak menyentuh soal-soal politik dan ekonomi orang-orang Melayu seperti mana yang diperbincang dengan begitu hebat di dalam akhbar-akhbar Melayu tahun-tahun 30an kemudiannya itu. Dalam soal-soal sosial dan agama juga tidak ada issue-issue yang menggemparkan dan kontroversial yang boleh menimbulkan perdebatan hangat di kalangan pembaca-pembacanya yang telah dikemukakan oleh akhbar ini.

Rencana Pengarang Cahaya Pulau Pinang menumpukan perhatian kepada soal-soal cuaca, mengenai hujan dan panas yang membawa banyak kesusahan kepada manusia,<sup>14</sup> asal-usul ilmu Taklid yang dikatakan bermula dari negeri Hindustan,<sup>15</sup> mengingatkan orang-orang yang hendak pergi mengambil haji di Mekah supaya jangan terpedaya atau tertipu oleh dalal-dalal atau Sheikh-sheikh Haji seperti yang telah berlaku di Singapura sebelum itu,<sup>16</sup> dari hal negeri Setol (di Siam Selatan) yang dahulunya diperintah oleh raja Kedah,<sup>17</sup> lawatan Raja Chulalongkorn, Siam ke Pulau Pinang,<sup>18</sup> dan membuat teguran di atas kesusahan orang ramai kerana jeti tidak cukup.<sup>19</sup> Walau bagaimanapun terdapat sebuah Rencana Pengarangnya memperkatakan tentang kedatangan bangsa asing ke negeri ini. Di antara lain katanya:

"Kedatangan bangsa asing dari masyrik magrib mencari kemewahan hingga Melayu sendiri makin lama semakin layu yang dikejar tiada kedapatan dan yang di-kandung kecaciran, putih terlepas hitam tak dapat sehingga kerajaan masing-masing kita pun menjadi seperti kayu yang diliputi oleh mendalu api melainkan hanyalah yang tinggal tanah yang di hujung tanjung kita sedikit."<sup>20</sup>

<sup>12</sup> Tarikh sebenar Abdul Ghani berhenti dari menjadi Pengarang Cahaya Pulau Penang tidak diketahui. Tetapi tarikh yang terawal yang dapat dikesan melalui penyemakan semua naskah yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia menunjukkan Mohd. Arif mengambil alih kerusi Pengarang *Cahaya Pulau Pinang* mulai keluaran 20hb. Mei, 1906. Bagaimanapun tarikh ini tidak dapat dipertanggungjawabkan oleh kerana salinan bagi semua keluaran pada tahun 1905 tidak diperolehi.

<sup>13</sup> Keluaran tahun 1905 tidak dapat disemak kerana tidak ada dalam simpanan Perpustakaan UKM.

<sup>14</sup> *Chayah Pulau Penang*. Jilid 6, Bil. 16, 20hb. Januari, 1906, h. 3.

<sup>15</sup> *Chayah Pulau Penang*. Jilid 7, Bil. 2, 20hb. Oktober, 1906, h.4.

<sup>16</sup> *Chayah Pulau Penang*, Jilid 7, Bil. 3, 27hb. Oktober, 1906, h. 3.

<sup>17</sup> *Chayah Pulau Penang*, Jilid 7, Bil. 24, 23hb. Mac, 1907, h. 4.

<sup>18</sup> *Chayah Pulau Penang* Jilid 7, Bil. 26, 6hb. April, 1907, h. 4.

<sup>19</sup> *Chayah Pulau Penang*, Jilid 7, Bil. 13, 5hb. Januari, 1907, h. 3.

<sup>20</sup> *Chayah Pulau Penang*. Jilid 7, Bil. 23, 16hb. Mac. 1907, h. 4.

Sungguhpun begitu sikap kritis ini terhenti di situ saja, tidak terdapat ekoran yang boleh memberikan suatu kesan yang lebih positif terhadap kedudukan ekonomi orang-orang Melayu ketika itu.

### Bahasa

Nama akhbar ini ditulis dalam huruf jawi berbunyi "Cahya Pulau Pinang" dan di bawahnya ditulis pula dengan huruf rumi "Chahyah Pulau Penang" dan kemudiannya sejak keluaran 13hb. Oktober, 1906 menjadi "Chayah Pulau Penang". Tulisan rumi itu menggambarkan bagaimana penerbit dan pengarangnya sendiri menyebut nama akhbar itu. Tegasnya orang yang mengendalikan akhbar ini bukanlah mempunyai lidah Melayu jati.

Banyak perkataan Inggeris dan Arab digunakan secara langsung di dalam akhbar ini. Perkataan-perkataan *government*, *football*, *postpone*, *committee* dan lain-lain perkataan Inggeris yang biasa digunakan dan ditulis dengan huruf jawi. Ini menyebabkan sukar difahami oleh pembaca-pembaca yang tidak tahu bahasa Inggeris. Misalnya perkataan *Liberpool* ditulis ليوار فول. Perkataan-perkataan Arab banyak digunakan terutama sekali dalam surat-surat kiriman. Misalnya sepucuk surat kiriman yang dimulakan dengan "Kehadzrat jiya bal afkham".

Selain daripada itu terdapat juga perkataan-perkataan Melayu sendiri yang agak ganjil bunyi sebutannya bagi kita sekarang. Misalnya perkataan ketua disebut "ketuha", arti menjadi "harti", ubat menjadi "hubat" dan sebagainya. Ini mungkin dipengaruhi oleh bahasa daerah atau bahasa pasar di bandar Pulau Pinang ketika itu dan tidak hairan pulalah wujud keadaan itu kerana pengarangnya adalah Jawi Peranakan. Pengarang sendiri pernah menyebut "membirangkan hati" (memberang) di dalam sebuah rencana pengarangnya pada keluaran 5hb. Januari, 1907.

Ayat yang digunakan biasanya terlalu panjang, di tambah dengan ketiadaan tanda-tanda bacaan yang sepatutnya menyebabkan ia sukar difahami. Misalnya:

"Maka adalah kedudukan jeti yang di kepala kota kita itu duduknya pada tempat yang terlalu lapang bagi pertumpuan sang bayu utara yang membirangkan hati sang kelembang dan mengencangkan harus merosakkan kesenangan segala Jong balok lancang ilang...."<sup>21</sup>

Banyak juga ayat-ayat yang menggunakan struktur ayat bahasa pasar seperti:

"...dan bapa penakannya bernama Henry yang ke 7 telah mendapat jawatan menjadi Menteri German di dalam negeri Vienna pada sedikit tahun dahulu itu."<sup>22</sup>

### \*klan

Sejak dari awalnya lagi Cahaya Pulau Pinang dapat memenuhi seluruh muka depannya dengan berbagai iklan dagangan termasuk iklan-iklan dan kenyataan-kenyataan *Criterion Press* sendiri. Di samping itu beberapa iklan lagi dimuatkan di ruangan pertama dan sebahagian daripada ruangan kedua di halaman dua dan di ruangan tiga dan empat pada halaman empat. Kedudukannya ini dapat dikekalkan hingga ke akhir hayatnya.

<sup>21</sup>*Chayah Pulau Penang*, Jilid 7, Bil. 13, 5hb. Januari, 1907, h. 3.

<sup>22</sup>*Ibid* h. 3.

Iklan-iklan yang sering keluar di dalam akhbar ini ialah seperti iklan kedai kain, ubat-ubat, barang kemas, cermin mata, tukang jahit, perkakas rumah, buku-buku, kitab-kitab dan bank-bank perniagaan. Di samping itu Criterion Press sendiri mengiklankan harga langganan Cahaya Pulau Pinang, jaminan wang langganan akan dipulangkan jika akhbar itu ditutup, menjemput pembaca-pembaca menulis surat ke ruangan surat kiriman dalam akhbar itu dan menyirikan nama-nama wakil penjualnya di beberapa tempat.

### Ruangan Surat Kiriman

Selain daripada Rencana Pengarang ruangan surat yang dikirimkan oleh pembaca juga penting bagi menunjukkan gambaran pemikiran dan pergolakan masyarakat sesuatu zaman itu. Seperti juga dengan suasana di dalam Rencana Pengarangnya, Ruangan Surat Kiriman Cahaya Pulau Pinang ini juga tenang dan sejuk sekali. Perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam ruangan ini oleh para pembacanya adalah perkara-perkara biasa dalam kehidupan harian mereka. Seorang pembaca memberitahu melalui ruangan ini bahawa sebuah kelab yang diberi nama "Taman Kepohonan Imam" telah ditubuhkan di Kuala Lipis,<sup>23</sup> seorang guru pula menyatakan perasan pilunya kerana ia akan ditukarkan ke sekolah lain,<sup>24</sup> seorang penduduk Serendah mendoakan supaya jawatan Penghulu yang kosong di mukimnya diisi oleh seorang yang menurut syariat kerana jawatan itu menjadi ikutan dan perhatian rakyat,<sup>25</sup> dan seorang bapa mengadu anak perempuannya dinikahkan oleh ibu angkatnya tanpa pengetahuan si bapa itu.<sup>26</sup>

Suasana ini seolah-olah menggambarkan ketenangan jiwa masyarakat Melayu ketika itu. Masyarakat Melayu ketika itu mungkin belum sedar tentang kedudukan mereka diri segi politik, ekonomi dan sosial mereka yang kian dihimpit oleh kedatangan bangsa asing.

### Penyubarannya

Melihat kepada senarai wakil-wakil penjualnya Cahaya Pulau Pinang tersebar luas bukan saja ke negeri-negeri Melayu di Semenanjung malah hingga ke Borneo Utara dan Sumatera Utara. Contohnya dalam keluaran 31hb. Januari, 1903 ia mensenaraikan wakil-wakil penjual seperti berikut:

Kuala Lumpur — Tuan J.H.M. Robson,  
Kuala Kangsar — Tuan Haji Abdullah Haji Abu Bakar,  
Kedah — Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd. Sidik Munsyi,  
Muar — Encik Ahmad bin Haji Sidin,  
Singapura — Tuan Haji Mohd. Siraj bin Haji Mohd. Salleh,  
Deli, Langkat dan Serdang — Wan Haji Mohd. Ali bin Haji Abdul Rahmat (Belawan),  
Janing (Ulu Perak) — Encik Mohd. Tah,  
Perlis — Tuan Syed Akil,  
Teluk Anson — Encik Mohd. Shahaldin Kerani,  
Batu Gajah — Encik Kulub Mohd. Saman bin Yeop,  
Kuala Idai (Acheh) — Encik Kerani Osman.

---

<sup>23</sup> *Chahyah Pulau Pinang*, Jilid 4, Bil. 16, 23hb. Januari, 1904, h.2.

<sup>24</sup> *Chahyah Pulau Penang*, Jilid 4, Bil. 18, 31hb. Januari, 1904, h.2.

<sup>25</sup> *Chahyah Pulau Penang*, Jilid 5, Bil. 5, 5hb. November, 1904, h. 3.

<sup>26</sup> *Chahyah Pulau Penang*, Jilid 5, Bil. 12, 24hb. Disember, 1904, h. 3.

Dalam tahun 1908 wakil-wakilnya diluaskan ke:

Kelantan — Encik Mohd. Ghazali,

Sandakan — Encik Mohd. Ali bin Sheikh Rejab,

Melaka — Encik Mahmud bin Ahmad.

### Rumusan

Akhbar Cahaya Pulau Pinang telah dapat hidup dalam satu jangka waktu yang agak lama juga kalau dibandingkan dengan akhbar-akhbar Melayu yang lain, kecuali akhbar *Jawi Peranakan*, yang diterbitkan di peringkat awal ini. *Jawi Peranakan* berusia kira-kira 19 tahun dan *Cahaya Pulau Pinang* tujuh setengah tahun. Kebanyakan akhbar-akhbar lain tidak panjang usia mereka dan ada di antaranya terpaksa dihentikan pengeluaran selepas beberapa bulan di terbitkan. Dikaji dari beberapa sudut di sepanjang usianya, *Cahaya Pulau Pinang* mengekalkan ciri "non-Malay" yang ada pada kebanyakan akhbar di zamannya. Dari segi pengurusannya, *Cahaya Pulau Pinang* dimodali oleh seorang taukeh Cina Baba, Lim Seng Hui dan kedua-dua ketua pengarangnya yang diketahui adalah dari keturunan *Jawi Peranakan*. Dan dari segi isi kandungannya pula, akhbar ini tidak menitik beratkan berita-berita tempatan. Sebahagian besar darinya memuatkan berita luar negeri yang dipetik dari akhbar-akhbar luar negeri. Berita-berita dalam negeri yang sedikit itu pula tertumpu kepada berita-berita mahkamah.

*Cahaya Pulau Pinang* nampaknya tidak begitu menitik-beratkan rencana pengarangnya. Rencana pengarang yang dapat saya kesan dari sumber-sumber yang ada tersiar dalam keluaran 20 Januari, 1906. Ini bermakna, setelah mengeneipkan keluaran-keluaran dalam tahun 1905 yang tidak diperolehi itu, *Cahaya Pulau Pinang* dikeluarkan tanpa ruangan rencana pengarang lebih dari separuh daripada usianya (1900-1904). Malah ruangan rencana pengarang yang dikeluarkan selepas tahun 1906 itu sendiri tidak berterusan dan tidakpula mempunyai ruangan yang tetap.

Penggunaan bahasanya banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu pasar dan perkataan-perkataan Inggeris yang ditulis dengan huruf jawi. Perkataan cahaya yang ditulis dalam huruf rumi pada tajuk akhbar itu menjadi "Chahyah" dan kemudiannya "Chayah" menunjukkan bahawa perkataan-perkataan Melayu disebut mengikut loghat bahasa Melayu pasar. Perkataan-perkataan Inggeris yang lazim digunakan pada masa itu ditulis terus ke huruf jawi seperti perkataan "government", "office", "football" dan sebagainya. Bagi orang-orang atau pembaca-pembaca yang tidak mengetahui bahasa Inggeris ini mungkin akan menimbulkan kesukaran untuk memahami maksud perkataan-perkataan itu.

Bagaimanapun satu perkara yang menarik ialah *Cahaya Pulau Pinang* dapat memuatkan iklan-iklan yang banyak sejak awal-awal lagi hinggalah ke keluaran yang terakhir. Seluruh halaman pertama tiap-tiap keluaran diisi dengan berbagai iklan. Mungkin sebab inilah ia dapat diterbitkan dalam masa yang begitu lama walaupun ia menghadapi masalah untuk memungut wang langganan dari pembaca-pembaca tetapnya yang akhirnya menyebabkan akhbar itu menghadapi krisis kewangan dan terpaksa ditutup.